

27/01/2004

Pegawai digalak ke Singapura: TPM

PUTRAJAYA: Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi sudah menetapkan rangka perbincangan bagi pertemuan seterusnya dengan Singapura ke arah menyelesaikan isu antara kedua-dua negara.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak, berkata setakat ini isu khusus belum dibangkitkan ketika pertemuan pemimpin kedua-dua negara baru-baru ini.

Beliau berkata, pada peringkat ini Malaysia menggalakkan pertukaran lawatan, terutama lawatan sosial yang tertanggung antara pegawai kerajaan.

"Lebih banyak lagi kegiatan dalam bentuk ini diadakan, lebih mudah lagi kita menangani isu yang lebih kompleks," katanya kepada pemberita selepas menyaksikan majlis penyerahan cek Telekom Malaysia kepada Persatuan Sepaktakraw Malaysia di Hotel Shangri-La, di sini semalam.

Najib bagaimanapun berkata, tidak boleh nafikan bahawa isu kedua-dua negara agak rumit dan kompleks serta memerlukan masa untuk mencari penyelesaian yang boleh diterima kedua-dua negara.

"Tetapi sekurang-kurangnya, hubungan yang lebih serasi ini akan memberikan satu dorongan yang kuat untuk mencari penyelesaian yang boleh diterima kedua-dua pihak," katanya.

Hubungan mesra Malaysia dan Singapura dapat disaksikan dalam lawatan sosial Abdullah yang diiringi Najib serta lapan menteri Kabinet ke Singapura, kelmarin.

Sementara itu, Najib berkata, pengesahan pasukan penyiasat bahawa Iraq tidak memiliki Senjata Pemusnah Besar (WMD) menunjukkan bahawa pendirian awal Malaysia berhubung perkara itu adalah benar dan tepat.

"Memang kita dari awal menyatakan bahawa kita berkehendakkan bukti yang tidak dapat dipertikaikan mengenai senjata pemusnah besar," katanya.

Beliau juga berkata, ia jelas menunjukkan pendirian Malaysia menentang perang terhadap Iraq oleh Amerika Syarikat (AS) dan sekutunya tahun lalu adalah tepat.

Najib mengulas kenyataan ketua penyiasat WMD di Iraq, David Kay pada Jumaat lalu yang mengesahkan senjata berkenaan tidak ada di negara teluk itu.

Di Davos, Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu (PBB), Kofi Annan meminta semua pihak menerima pengesahan Kay `secara serius'.

Bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad adalah antara pemimpin paling lantang menyuarakan bantahan berikutan tindakan AS menyerang Iraq.

Ditanya mengenai laporan International Herald Tribune semalam yang memetik laporan The New York Times bahawa penyiasat program senjata nuklear di Libya menemui rangkaian penyumbang nuklear yang sofistikated meliputi dari Malaysia ke Dubai, Najib berkata, laporan itu tidak benar sama sekali.

"Tak benar sama sekali dan perkara ini tidak dinyatakan oleh wakil pentadbiran George Bush apabila Bolton (Setiausaha Rendah bagi Persenjataan dan Keselamatan Antarabangsa, Jabatan Negara Amerika Syarikat John R Bolton) menemui saya (12 Januari lalu)," katanya.